

Malaysia rekod FDI tertinggi
Utusan Online
06 Julai, 2012
Oleh NORLAILI ABD. RAHMAN

KUALA LUMPUR 5 Julai - Malaysia merekodkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi dalam tempoh enam tahun kepada AS\$11.97 bilion (RM37.85 bilion) bagi keseluruhan 2011, berbanding AS\$9.10 bilion (RM28.78 bilion) yang direkodkan pada 2010 dan AS\$1.45 bilion (RM4.586 bilion) tahun sebelumnya.

Sektor pengeluaran terus menjadi penyumbang terbesar dengan aliran masuk FDI mewakili 44.6 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing, diikuti sektor perkhidmatan (35 peratus), perlombongan dan kuari (20.1 peratus) dan pertanian, perhutanan dan perikanan (0.3 peratus).

Dengan mencatatkan FDI sebanyak RM37.85 bilion, Malaysia menduduki tangga ketiga selepas Singapura (RM202.40 bilion) dan Indonesia (RM59.79 bilion) di antara negara-negara anggota Asean, manakala Thailand berada di posisi keempat dengan pelaburan RM30.27 bilion.

Menurut Ketua Seksyen Pembangunan Isu, Bahagian Pembangunan Pelaburan, Teknologi dan Keusahawanan, Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCTAD), Hafiz Mirza, Malaysia mampu mengekalkan posisi selesa itu walaupun Thailand dilihat mampu mencabar kedudukan negara.

"Malaysia mempunyai banyak kelebihan untuk menarik pelaburan asing kerana mempunyai rakyat berkemahiran tinggi, prasarana yang moden, selain sistem pendidikan terbaik," katanya semasa sidang akhbar selepas pelancaran Laporan Pelaburan Dunia 2012 di sini hari ini.

Majlis disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed serta dihadiri Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Tan Sri Amirsham Abdul Aziz.

Menurut laporan tersebut, FDI global dijangka mengalami pertumbuhan perlahan pada 2012 dengan aliran berada pada paras AS\$1.6 trilion (RM5.12 trilion).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0706&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm